



Ruj. Kami : JANM.BPPP(S)500-3/10/1
Jld.3 (05)

Tarikh : 18 Januari 2019

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan

**URUSAN PEMANGKUAN AKAUNTAN MELALUI KELULUSAN BADAN IKHTISAS DI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini sedang dalam urusan **pemangkuan Akauntan melalui kelulusan Badan Ikhtisas**.

3. Sebagai makluman, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, permohonan adalah dibuka **sepanjang tahun** dan dilaksanakan setiap empat (4) bulan sekali. Syarat-syarat pemangkuan mengikut Skim Perkhidmatan Perakaunan adalah seperti berikut :-

- 2.1 Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia (MIA) ;
- 2.2 Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 2.3 Mencapai markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini **tidak kurang 80%**;
- 2.4 Kelulusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) – **salinan hendaklah disertakan bersama-sama permohonan**;
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;

Ruj. Kami : JANM.BPPP(S)500-3/10/1 Jld.3 (05)

- 2.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pendidikan (sertakan salinan penyata terkini pinjaman pendidikan bagi pegawai yang masih belum melunaskan pinjaman);
 - 2.7 Bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib ; dan
 - 2.8 Diperaku oleh Ketua Jabatan.
3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang dicetak hanya melalui ePerkhidmatan (rujuk Portal JANM). Untuk makluman tuan/puan semua pegawai yang layak boleh memohon untuk urusan pemangkuhan ini. Untuk membuat permohonan, pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :-

- 3.1 Satu (1) salinan borang permohonan cetak online melalui ePerkhidmatan Pemangkuhan (e-Borang JANM/B1);
- 3.2 Salinan Sijil Ahli Penuh Badan Ikhtisas;
- 3.3 Kelulusan Perisyiharan Harta yang terkini (dalam tempoh 5 tahun);
- 3.4 Salinan Akuan pinjaman pendidikan;
- 3.5 Salinan Kelulusan Tapisan Keutuhan; dan
- 3.6 Salinan Laporan Penilaian Prestasi (LPP) tiga (3) tahun terkini yang telah disahkan

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agenzia YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan ke Seksyen Khidmat Pengurusan Sumber Manusia di alamat:-

**Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, No.1, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62594 W.P.PUTRAJAYA
(u.p : Urus Setia Kenaikan Pangkat)**

Ruj. Kami : JANM.BPPP(S)500-3/10/1 Jld.3 (05)

5. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut :-


Bil.	Nama Pegawai	No. Telefon	e-mail Jabatan @anm.gov.my
1.	Encik Mohd Naszeri bin Jaiman	03-88821037	naszeri
2.	Puan Nor Fariza binti Sulaiman	03-88821098	fariza

7. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menurut perintah,


(CHE WAN MUHAMMED SALLEH BIN WAN ADNAN)

Bahagian Pembangunan Perakaunan
Dan Pengurusan
b.p. Akauntan Negara Malaysia
☏ 03-88821100
Email: salleh.adnan@anm.gov.my

s.k : ANM

TAN (O)

TAN (K)

P (BPPP)

TP (SKPSM)